

Headline	Bercakap dengan pokok		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	21	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	467 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,230
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,690



# Bercakap dengan pokok

**S**EBELUM bertemu dengan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod baru-baru ini, penulis pernah menemubual beliau semasa perlumbaan basikal lasak anjuran FRIM, kira-kira lima tahun lalu.

Pada pertemuan itu, beliau pernah bercerita tentang kebolehan luar biasanya yang boleh bercakap dengan pokok. Namun disebabkan waktu terlalu singkat ketika itu, kami tidak sempat berbual mengenainya.

Enam tahun berlalu sehinggalah kami bertemu semula minggu lalu.

Penulis mengingatkan beliau mengenai cerita tersebut dengan harapan beliau akan menyambung semula kisah yang masih tergantung itu.

Sambil tersenyum dan dalam nada penuh rendah diri beliau mengakui kebolehan tersebut bukan sesuatu yang terlalu luar biasa.

“Sebenarnya sesiapa pun boleh bercakap dengan pokok kerana pokok itu makhluk tuhan. Ia hidup dan bernyawa.

“Cuma kena tahu cara yang betul dan kena tengok juga sama ada pokok itu hendak bercakap dengan kita atau tidak,” selorohnya.

Kelebihan yang dimiliki itu menurutnya ‘tercetus’ daripada kisah Nabi Muhammad yang pernah memberi salam kepada sebatang pokok kurma yang kemudian bergerak menuju ke arah baginda.

“Suatu hari saya berdiri

di depan sebatang pokok di Selayang. Saya beri salam beberapa kali untuk lihat kalau-kalau pokok itu menjawab.

“Sungguh mengejutkan kerana selepas salam ketiga, saya ‘mendengar’ salam saya dijawab,” katanya yang dilantik sebagai peneraju FRIM sejak Mac 2008.

Ketika itu katanya, beliau terpegun kerana hampir tidak mempercayai apa yang berlaku.

Secara spontan, beliau

memberanikan diri untuk bertanya.

“Saya tanya pokok itu tidak bosan ke terpacak di situ tanpa ke mana-mana. Langsung tidak terpikir soalan-soalan lain.

“Jawapan yang saya terima membuatkan saya mengalirkan air mata. Dia (pokok) kata walaupun tak dapat bergerak tetapi hatinya sentiasa berzikir kepada Allah,” tambah beliau lagi.

Pengakuan itu kedengaran seperti tidak masuk akal tetapi penulis terus mendengar dan mencari peluang untuk mengajukan soalan.

Selepas kejadian itu, Abdul Latif sering mendekati pokok-pokok di sekitar FRIM untuk bertanya sekiranya ada yang diancam penyakit.

“Ada yang sakit sebab serangan anai-anai, kulat dan ada juga sebab tanah yang kurang sesuai.

“Siapa sangka kebolehan yang diberikan Allah itu kekal sehingga hari ini.

“Sekarang, boleh dikatakan tiap-tiap hari saya bercakap dengan pokok,” ujar penerima Anugerah

Pencapaian Sains termuda oleh Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Hutan (IUFRO) pada 1995.

Menurut saintis negara itu lagi, perbualan beliau dengan pokok hanya berlaku di dalam hati dan tidak dapat didengari orang lain.

Cuma pada petang itu semasa sesi fotografi, penulis diberi peluang mendengar dan melihat ‘perbualan’ beliau dengan sebatang pokok di kawasan arboretum FRIM.

Selepas memberi salam dan membaca rangkap-rangkap ayat suci al-Quran, beliau bertanyakan beberapa soalan ringkas.

Antara yang kedengaran keluar dari mulut beliau adalah tentang jenis dan spesies, tahun ditanam, ketinggian dan tahap kesihatan.

“Dia (pokok) kata umur dah hampir cecah 90 tahun, dia tahu berapa batang spesies sepertinya ada di kawasan FRIM dan tahu lokasinya secara tepat mengikut plot.

“Terus terang sebelum ini, saya tak tahu semua itu tapi sekarang dia sudah beritahu saya,” ujar beliau yang juga pakar dalam kajian hasil hutan bukan kayu seperti rotan dan buluh.

**Saya tanya pokok itu tidak bosan ke terpacak di situ tanpa ke mana-mana. Langsung tidak terpikir soalan-soalan lain**

**ABDUL LATIF MOHMOD**

Headline	Bercakap dengan pokok		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	21	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	467 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,230
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,690



**ABDUL LATIF** mendakwa mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan pokok.